

# ASMOL SYRUP

Salbutamol sulphate (2mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Asmol Syrup
2. Bagaimana Asmol Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Asmol Syrup
4. Cara menggunakan Asmol Syrup
5. Semasa menggunakan Asmol Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Asmol Syrup
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Asmol Syrup

Ia digunakan untuk melegakan bronkospasma (penyempitan saluran udara dalam paru-paru) dalam penyakit saluran udara obstruktif berbalik seperti asma.

## Bagaimana Asmol Syrup berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah Salbutamol sulphate. Salbutamol berfungsi dengan menghasilkan bronkodilatasi (pengembangan tiub udara) melalui pengenduran otot licin dalam saluran pernafasan.

## Sebelum menggunakan Asmol Syrup

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Asmol Syrup jika anda:

- Hipersensitif terhadap salbutamol atau mana-mana bahan kandungan yang disenaraikan di akhir risalah ini.

Mengandung dan penyusuan bayi

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan bayi. Salbutamol hanya boleh digunakan di kalangan wanita hamil dan menyusukan anak jika faedah pengambilan melebihi risikonya.

### - Sebelum mula mengguna

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami mana-mana yang berikut:

- penyakit jantung termasuk kelemahan koronari (ketidakupayaan jantung untuk mengepam darah yang cukup ke seluruh tubuh) dan tekanan darah tinggi
- kelenjar tiroid terlalu aktif
- kencing manis
- *pheochromocytoma* (ketumbuhan yang jarang ditemui pada kelenjar adrenal yang terletak di atas buah pinggang)
- *hyperkalemic familial periodic paralysis* (penyakit otot)

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa ubat yang boleh berinteraksi dengan Asmol Syrup. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor. Anda perlu berbincang dengan doktor anda atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil yang berikut: -

- *Monoamine Oxidase Inhibitor* (MAOI) atau *tricyclic antidepressants* untuk kemurungan
- Ejen Beta-blocker
- Anestesia seperti chloroform, halothane, cyclopropane atau trichloroethylene.

## Cara menggunakan Asmol Syrup

### - Berapa banyak harus digunakan

Anda perlu mengambil Asmol Syrup dengan betul seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi. Jumlah yang anda ambil setiap hari akan bergantung kepada keadaan anda. Jangan mengambil lebih atau kurang daripada apa yang doktor anda menetapkan.

*Dewasa dan kanak-kanak 12 tahun dan ke atas:* 2mg (5ml) atau 4mg (10ml) tiga atau empat kali sehari. Jumlah dos harian tidak melebihi 32mg (80ml).

*Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun:* Dos permulaan ialah 2 mg (5ml) empat kali sehari. Jumlah dos harian tidak melebihi 24mg (60ml) dalam dos terbahagi.

### - Bila perlu digunakan

Sila ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda apabila menggunakan Asmol Syrup.

### - Berapa lama perlu digunakan

Gunakan Asmol Syrup seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan terlalu banyak Asmol Syrup boleh menyebabkan sakit dada, tekanan darah tinggi, potassium darah rendah dan keterlaluan kesan sampingan.

## Semasa menggunakan Asmol Syrup

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil Asmol Syrup mengikut arahan doktor..
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Asmol Syrup
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak perlu dilakukan

- Jangan berkongsi Asmol Syrup dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.
- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Reaksi ubat Salbutamol boleh bertahan selama enam jam atau lebih lama dan oleh itu ia tidak boleh diambil lebih kerap daripada yang disyorkan.

## Kesan-kesan Sampingan

Kesan sampingan yang paling kerap berlaku adalah gementar dan gegaran, sakit kepala, kadar degupan jantung yang cepat, degupan jantung yang tak sekata, loya, kekejangan otot, insomnia (kesukaran untuk tidur), pening dan lemah.

Kesan sampingan yang lain termasuk mengantuk, kemerahan, keresahan, kerengsaan ketidakselesaan pada dada dan kesukaran untuk membuang air kecil.

Kesan sampingan yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada sesetengah orang.

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami simptom-simptom lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers*→*Reporting*)

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Asmol Syrup**

### - Penyimpanan

Simpan pada suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### - Rupa dan warna produk

Sirap jernih tanpa warna dengan perisa ceri

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi Salbutamol sulphate bersamaan dengan salbutamol 2mg sebagai bahan aktif.

- Bahan- bahan tidak aktif

- Cherry Flavor H2100
- Citric Acid
- Hydroxypropyl Methylcellulose
- Propylene Glycol
- Sodium Benzoate
- Saccharin Sodium
- Citrate Buffer

### - Nombor MAL

MAL19986478AZ

## **Pengilang**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman  
Perindustrian Tampoi Indah, 81200  
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman  
Perindustrian Tampoi Indah, 81200  
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

## **Tarikh Kemaskini RiMUP**

22/01/2016

## **Nombor siri**

BPFK(R4/1)191015/00369

---